

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA**  
**MALAM PENGHARGAAN SUKAN UMP 2015**  
**DAN PELANCARAN LOGO *ELGINEERS***  
**PADA HARI RABU, 13 APRIL 2016 PUKUL 8:30 MALAM**  
**DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara dan saudari Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Johari Hussain

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Pahang;

Yang Berusaha Encik Mohamed Rashdan Mohamed Razali,

Pengarah Majlis Sukan Negeri Pahang;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Encik Zainudin Othman,

Bendahari;

Encik Abd Rahman Haji Safie,  
Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Saudara Madyasir Ahmad Basir,  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Para atlet yang diraikan,

Tuan-tuan dan puan-puan,

Para tetamu yang dikasihi.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam acara Malam Penghargaan Sukan UMP 2015 pada hari ini.*
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat kita, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Johari Hussain, Pengurus Jawatankuasa Belia & Sukan Negeri Pahang atas kesudian beliau untuk melapangkan masa dan turun padang ke UMP Kampus Gambang untuk bersama-sama tetamu lain memeriahkan lagi acara pada malam ini.
3. Sesungguhnya, kehadiran Yang Berhormat Dato' membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri Pahang yang yang sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian serta sokongan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh warga kerja dan mahasiswa Universiti ini, termasuklah penglibatan mereka dalam acara sukan.

## **PERSPEKTIF UMP TERHADAP KEGIATAN SUKAN**

4. Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Dengan keprihatinan yang diperlihatkan Kerajaan Negeri Pahang serta sokongan berterusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, UMP melihat bahawa penglibatan warga kerja dan mahasiswanya dalam pelbagai acara sukan mampu memberikan impak yang positif dan konstruktif.

5. Impak yang positif dan konstruktif tersebut bukanlah semata-mata diukur pada jumlah pungutan pingat dalam kejohanan atau pertandingan yang disertai. Apa yang lebih penting ialah pelaburan UMP terhadap warga kerja dan mahasiswanya dalam setiap acara sukan mampu meningkatkan kecergasan fizikal, kecerdasan mental dan keseimbangan emosi yang memandu mereka sebagai warga kerja dan mahasiswa yang bermotivasi tinggi, berdisiplin, cemerlang dan berdaya saing.

6. Pada hemat saya, inilah impak positif yang diaspirasikan kerajaan melalui penggubalan Dasar Sukan Negara yang turut menekankan sumbangan kegiatan sukan terhadap pembentukan sahsiah positif, kesedaran diri, penggunaan masa senggang secara berfaedah dan pengukuhan interaksi sosial.
7. Oleh sebab itulah, pihak pengurusan UMP melihat bahawa penglibatan warga kerja dan mahasiswa dalam kegiatan sukan secara terancang dan terarah dalam kerangka disiplinnya yang tersendiri mampu menyumbang kepada pembentukan pengalaman kampus yang bermakna dan persekitaran yang kondusif di Universiti ini.
8. Justeru, Pusat Sukan & Kebudayaan UMP telah dipertanggungjawabkan oleh pihak pengurusan untuk melihat pembudayaan gaya hidup sihat secara serius dalam kalangan warga kerja dan mahasiswa di Universiti ini melalui pelbagai aktiviti sukan sama ada dalam pelbagai skala dan perimeter.

9. Ini bermakna, tumpuan pihak pengurusan UMP dalam konteks pengembangan kegiatan sukan di Universiti ini tidaklah semata-mata bertujuan untuk dipertandingkan sahaja, tetapi turut melihat aspek pembudayaannya secara menyeluruh bagi mewujudkan persekitaran kampus yang sihat dan sejahtera.

### **PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN SUKAN**

10. Yang Berhormat Dato', Tuan-tuan dan puan-puan,

Walaupun secara umumnya, Universiti ini ditubuhkan dengan fokus terhadap bidang kejuruteraan, sains dan teknologi tulen, namun keupayaan untuk menampilkan keunikan yang inovatif melalui penyelidikan interdisiplinari yang berkait dengan bidang-bidang selain yang dinyatakan tadi mampu memberi impak yang besar kepada pencapaiannya jika dilaksanakan dengan cekap, terarah dan berkesan.

11. UMP turut komited untuk melihat pemajuan sukan dalam konteks penyelidikan kejuruteraan dan saintifik. Malah, banyak aspek dalam sukan itu sendiri berkait rapat dengan teori perubatan dan sains, pergerakan biomekanik dan perkiraan matematik.

12. Maka itulah pada tahun 2011, apabila Kementerian Pengajian Tinggi memandatkan UMP untuk menerajui penyelidikan kejuruteraan sukan di Malaysia, Universiti ini melihat kepercayaan tersebut sebagai satu peluang lonjakan kegemilangannya.
  
13. Selaras dengan mandat tersebut, maka sebuah Makmal Inovasi Pembuatan, Mekatronik dan Sukan (iMAMS) telah diwujudkan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP yang antara lain memberi fokus kepada penyelidikan berasaskan kejuruteraan untuk membantu atlet tempatan mencapai aras daya saing yang tinggi melalui pendekatan saintifik.
  
14. Sukacita saya memaklumkan bahawa melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman antara UMP dan Institut Sukan Negara (ISN) pada 8 Mac 2016 yang lalu, Universiti ini kini dapat berperanan dengan lebih konstruktif untuk membantu Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Belia & Sukan untuk memartabatkan sukan tanah air melalui penyelidikan saintifik bagi melahirkan atlet yang berprestasi tinggi.

15. Oleh yang demikian, penyelidikan yang dilakukan di Makmal iMAMS di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan melihat aspek aplikasi teknikal matematik dan fizik untuk membantu menyelesaikan masalah dalam pembangunan sukan untuk membantu pencapaian atlet melalui rekabentuk peralatan, analisis pencapaian atlet, jaminan keselamatan peralatan, pembangunan alat bantu kejurulatihan dan sebagainya. Inilah peranan yang dimainkan oleh para jurutera sukan dalam mengkomplimentari aspek fisiologikal yang dilihat oleh saintis sukan.

### **MERAIKAN PENCAPAIAN ATLET UMP**

16. Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,  
Sesuai dengan namanya, acara pada malam ini bertujuan mengiktiraf pencapaian para atlet UMP yang telah mencurahkan tenaga dan komitmen mereka bagi mengharumkan nama Universiti ini dalam pelbagai kejohanan dan pertandingan sukan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

17. Sesuai dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melahirkan “The Thinking Athletes”, maka UMP akan turut melihat aspek prestasi atlet serta perkaitannya dengan aspek kejuruteraan dan saintifik, sekaligus membantu hasrat untuk mendapatkan 30% daripada jumlah atlet negara adalah dari kalangan bakat sukan di IPT.
18. Sepanjang tahun 2015, UMP secara umumnya telah mencatatkan pencapaian yang menggalakkan di arena sukan melalui penyertaan atletnya dalam pelbagai pertandingan dan kejohanan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM). Dari segi jumlah pungutan pingat pula, sepanjang tahun 2015, atlet UMP telah berjaya meraih 11 pingat emas, 15 pingat perak dan 22 gangsa dalam 10 kejohanan dan pertandingan yang disertai mereka.
19. Lebih membanggakan lagi pada tahun 2015, pasukan bola keranjang UMP telah buat pertama kalinya berjaya menjadi johan di peringkat Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM). Selain itu, UMP telah turut menjadi tuan rumah Karnival Sukan Pantai MASUM 2015 dan pasukan bolasepak pantai Universiti ini telah meraih pingat perak dalam kejohanan tersebut.

19. Justeru, majlis pada malam ini mengabadikan pengiktirafan dan penghargaan UMP kepada pencapaian cemerlang para atlet dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam usaha mengangkat budaya kesukuan di Universiti ini ke tingkat yang lebih bermartabat. Syabas dan tahniah diucapkan.

## **PENUTUP**

20. Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak, khususnya Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP atas inisiatif dan komitmen yang telah diberikan untuk merealisasikan penganjuran Malam Penghargaan Sukan UMP 2015 ini.

21. Kepada para penerima anugerah, syabas dan tahniah diucapkan. Semoga pencapaian tersebut menginspirasikan anda untuk menyumbangkan khidmat yang lebih cemerlang selepas ini dengan motivasi yang tinggi dan semangat yang boleh dicontohi.

22. Saya berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada Universiti ini, negeri dan negara kita yang tercinta ini dengan naungan keamanan, kesejahteraan, kemakmuran dan kecemerlangan, *Amin.*

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*